


Tanaman Ubah Suai Genetik dalam Sistem Makanan Malaysia



TWN
Third World Network



Tanaman Ubah Suai Genetik dalam Sistem Makanan Malaysia

TWN
Third World Network



Tanaman Ubah Suai Genetik dalam Sistem Makanan Malaysia

Diterbitkan oleh

Third World Network Bhd (198701004592 (163262-P)), 131 Jalan Macalister,
10400 Pulau Pinang, Malaysia

dan

Persatuan Pengguna-Pengguna Pulau Pinang, 10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang,
Malaysia

dan

Sahabat Alam Malaysia, 10 Jalan Padang Tembak, 11400 Pulau Pinang, Malaysia

dan

Forum Kedaulatan Makanan Malaysia, c/o B-05-03, 3 Two Square, 2 Jalan 19/1,
46300 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

Third World Network ialah sebuah organisasi penyelidikan dan advokasi antarabangsa bebas tanpa keuntungan yang terlibat dalam memperjuangkan keperluan, aspirasi dan hak rakyat di Selatan serta mempromosikan pembangunan yang adil, saksama dan berasaskan ekologi.

Persatuan Pengguna-Pengguna Pulau Pinang ialah sebuah organisasi masyarakat sivil akar umbi tanpa keuntungan yang ditubuhkan untuk memupuk kesedaran kritikal dan tindakan dalam kalangan rakyat bagi mempertahankan hak dan kepentingan pengguna, melalui pendidikan, mobilisasi komuniti, penyelidikan, advokasi, latihan dan penerbitan.

Sahabat Alam Malaysia ialah sebuah organisasi bebas tanpa keuntungan yang memberi tumpuan kepada isu-isu alam sekitar yang memberi kesan kepada komuniti di seluruh Malaysia.

Forum Kedaulatan Makanan Malaysia ialah sebuah platform untuk perbincangan dan tindakan dalam hal-hal berkaitan keselamatan makanan dan kedaulatan makanan, dengan keahlian kira-kira 100 terdiri daripada organisasi dan individu.

Kandungan penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau diguna semula secara percuma untuk tujuan bukan komersial, kecuali dinyatakan sebaliknya. Penerbitan ini dilesenkan di bawah Creative Commons Attribution-NonCommercial-NoDerivatives 4.0 International License.

Buku ini pertama kali diterbitkan dalam Bahasa Inggeris pada Ogos 2025. Edisi Bahasa Melayu ini diterbitkan pada September 2025.

Reka bentuk kulit buku: Lim Jee Yuan

Terjemahan: Persatuan Pengguna-Pengguna Pulau Pinang

Dicetak oleh Phoenix Printers Sdn Bhd (199001001670), 6 Lebuhraya,
10200 Pulau Pinang, Malaysia

KANDUNGAN

Pengenalan	1
Kegagalan pertanian industri GM terkunci dalam pergantungan pada ciri toksik	2
Peningkatan import makanan GM meningkatkan pendedahan kepada bahan kimia	4
Tanaman GM dengan ciri tindanan berisiko memberi kesan gabungan dan sinergistik	6
Bagaimana pula dengan tindanan pembiakan (<i>breeding stacks</i>)?	7
Kelulusan yang semakin meningkat terhadap ciri-ciri baharu (novel) dan berisiko	8
Kesimpulan	10
Rujukan	14

Pengenalan

Sejak Akta Biokeselamatan Kebangsaan berkuatkuasa pada 2007, sebanyak 64¹ permohonan bagi tujuan import tanaman ubah suai genetik (GM) untuk makanan, makanan ternakan dan pemprosesan telah diluluskan oleh Lembaga Biokeselamatan Kebangsaan (LBK). Lima produk bukan makanan atau makanan ternakan juga telah diluluskan, seperti mikroorganisma untuk menghasilkan ingredien dalam baja, kawalan biologi atau pengawetan makanan bagi kegunaan terkawal. Selain itu, empat ujian lapangan telah dijalankan.

Pertubuhan masyarakat sivil di Malaysia telah lama menolak import dan pelepasan organisma diubah suai secara genetik (GMO) serta produknya (contohnya, Consumers Association of Penang, 2015; Sahabat Alam Malaysia, 2019; Sanmugam et al., 2021). Berdasarkan statistik sehingga September 2018,² majoriti rakyat Malaysia yang ditinjau (60%) menyatakan mereka tidak akan sama sekali memakan makanan GM, manakala 33% menyatakan mereka bersedia. Sebaliknya, pertanian organik, yang tidak melibatkan penggunaan GMO, semakin mendapat sambutan, dengan pensijilan makanan organik membantu meningkatkan keyakinan pengguna (Alrashidi et al., 2022).

Bantahan awam setakat ini telah memainkan peranan penting dalam menghalang penanaman atau pelepasan GMO ke alam sekitar di negara ini. Permohonan uji kaji lapangan bagi varieti padi GM yang toleransi kepada glifosat pada tahun 2019 tidak diluluskan, berkemungkinan disebabkan oleh kebimbangan yang dibangkitkan serta kepentingan padi sebagai makanan ruji negara.³ Begitu juga, uji kaji awal bagi nyamuk GM tidak diteruskan ke fasa seterusnya, dipercayai kerana “takut mendapat bantahan” daripada orang awam (USDA, 2017). Bantahan awam,⁴ termasuk daripada NGO dan komuniti tempatan berhampiran tapak ujian lapangan, serta kebimbangan terhadap kos yang tinggi, menjadi faktor utama yang meyakinkan kerajaan untuk menghentikan projek tersebut.

Sebaliknya, kelulusan untuk mengimport tanaman GM bagi tujuan makanan, makanan ternakan dan pemprosesan telah diluluskan secara konsisten oleh LBK. Selain kebimbangan terhadap potensi risiko GMO terhadap kesihatan manusia dan haiwan, jumlah import yang tinggi juga boleh menimbulkan cabaran dalam pelaksanaan peraturan pelabelan GM Malaysia secara berkesan. Ini boleh menjejaskan hak pengguna untuk membuat pilihan bagi mengelakkan pengambilan GMO.

Kedadaan ini menjadi semakin mendesak apabila kelulusan telah meningkat dengan ketara dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Ini berisiko mendedahkan orang ramai kepada jumlah ingredien GM yang semakin meningkat, serta sisa racun perosak yang berkaitan. Malah, ujian baru-baru ini terhadap produk kacang soya yang dijual di Sarawak mendapati pencemaran GM secara meluas dalam tauhu, tempe, makanan ternakan dan kacang soya mentah (dua daripadanya dilabelkan sebagai bebas GMO) (Sani et al., 2022). Sebanyak 57 daripada 65 sampel diuji positif terhadap gen toleransi kepada racun rumpai glifosat, iaitu sifat GM yang paling lazim digunakan.

¹ <https://www.biosafety.gov.my/main/article/keputusan-permohonan-pelepasan-lmo-and-produk-lmo>

² <https://www.statista.com/statistics/983765/malaysia-willingness-to-eat-gm-foods/>

³ https://www.malaysiakini.com/letters/485031#google_vignette

⁴ <https://consumer.org.my/an-open-letter-to-the-government-from-malaysian-ngos-on-genetically-engineered-aedes-aegypti-mosquitoes/>

Tambahan pula, varieti tanaman GM kini semakin banyak mempunyai sifat “tindanan” (*stacked*), iaitu menggabungkan pelbagai ciri. Sebagai contoh, ada yang menggunakan beberapa jenis toksin untuk ketahanan terhadap serangga dan/atau menunjukkan toleransi terhadap pelbagai jenis racun rumpai. Trend ini dalam varieti import hanya menambahkan lagi risiko keselamatan makanan kerana penilaian risiko terhadap pendedahan kepada gabungan tanaman GM dan racun rumpai berkaitannya masih tidak mencukupi dan kurang menyeluruh. Selain itu, tanaman baharu yang menggunakan proses penyenyapan gen RNAi juga kini mula memasuki pasaran makanan, sekali gus menimbulkan lebih kebimbangan.

Kegagalan pertanian industri GM terkunci dalam pergantungan pada ciri toksik

Perkembangan kelulusan makanan dan makanan ternakan GM mendedahkan kegagalan ketara dalam sistem pertanian industri GM, yang secara langsung memberi kesan kepada keselamatan makanan pengguna. Walaupun hampir 30 tahun telah berlalu sejak komersialisasi dalam sistem pertanian industri, pembangun tanaman GM masih gagal beralih daripada dua sifat dominan, iaitu toleransi terhadap racun rumpai dan ketahanan terhadap serangga. Sifat-sifat yang telah lama dijanjikan seperti penambahan nilai nutrisi atau ketahanan terhadap tekanan abiotik seperti kemarau juga masih belum direalisasikan dengan bermakna. Oleh itu, makanan yang diimport ini tidak memberikan sebarang manfaat khusus kepada pengguna, malah dikaitkan dengan risiko terhadap kesihatan manusia.

Penggunaan racun rumpai secara meluas bersama tanaman GM yang toleransi kepada racun rumpai telah menyebabkan peningkatan mendadak dalam spesies rumpai yang tahan terhadap racun rumpai, dengan 60 spesies telah direkodkan setakat ini.⁵ Amalan membajak tanah yang merosakkan alam sekitar — yang sepatutnya dapat dikurangkan melalui tanaman toleransi racun rumpai — kini kembali diamalkan untuk menangani rumpai tahan racun rumpai yang tidak lagi dapat dikawal dengan semburan racun secara menyeluruh.

Perkembangan rumpai tahan ini telah memaksa industri untuk membangunkan varieti GM yang toleransi terhadap pelbagai jenis racun rumpai, termasuk racun lama yang lebih toksik – yang pada asalnya digantikan oleh glifosat. Contohnya, 2,4-D, bahan aktif yang pernah digunakan dalam Agen Oren. Malah, syarikat Bayer (dahulunya Monsanto) mengumumkan pada Mac 2025 bahawa varieti kacang soya terbaharu mereka, Vyonix™, yang direka bentuk untuk toleransi terhadap lima jenis racun rumpai – glifosat, glufosinat, dicamba, mesotrione dan 2,4-D – dijangka akan diperkenalkan ke pasaran pada tahun 2027 (Bayer, 2025).

Begitu juga, bagi tanaman tahan serangga seperti tanaman Bt, yang diubah suai secara genetik untuk menghasilkan toksin bagi membunuh perosak, masalah rintangan serangga kini semakin meningkat. Dalam tempoh 25 tahun lalu, sebanyak 19 kes rintangan praktikal telah didokumenkan melibatkan lima spesies perosak utama terhadap tanaman Bt (Entomological Society of America, 2020).

Bagi menangani cabaran asas terhadap kelangsungan jangka panjang produk utama industri GM ini, pembangun telah mula menggabungkan beberapa ciri dalam satu tanaman, dikenali sebagai “ciri bertindanan” (*stacked traits*). Ciri bertindanan ini dicapai sama ada dengan memasukkan beberapa gen berbeza ke dalam tanaman semasa peringkat pembangunan (tindanan molekul), atau dengan membiak silang tanaman GM induk yang membawa ciri berbeza (tindanan pembiakan).

⁵ <https://www.weedscience.org/Pages/SOASummary.aspx>



Jagung diubah suai genetik. Kelulusan pengimportan tanaman GM untuk tujuan makanan, makanan ternakan dan pemprosesan di Malaysia adalah dibenarkan secara konsisten. *Gambar: Maggilautaro (CC BY-SA 3.0)*

Disebabkan oleh perkembangan rintangan, tanaman GM kini semakin banyak mempunyai kombinasi pelbagai toksin serangga dan/atau toleransi terhadap pelbagai jenis racun rumpai. Malah, senarai ciri jagung yang tersedia untuk petani AS yang mengamalkan pertanian tanpa bajak pada 2024 menunjukkan bahawa tiada lagi ciri toksin tunggal yang ditawarkan – semua ciri tunggal dan sebahagian ciri bertindan kini telah dihentikan penggunaannya (Texas A&M University, 2024). Pendekatan “tindanan” ini juga digunakan secara meluas untuk menggabungkan toleransi terhadap racun rumpai dengan ciri lain seperti ketahanan terhadap serangga.

Amerika Syarikat merupakan negara yang paling banyak mengguna pakai tanaman GM di dunia, dan juga merupakan satu pengeksport utama GMO ke Malaysia. Di Amerika Syarikat, 90% jagung yang ditanam pada 2024 adalah toleran racun rumpai, manakala 86% adalah tahan serangga, dengan kira-kira 83% mempunyai ciri “bertindanan” yang menggabungkan kedua-dua ciri tersebut (USDA, 2025). Bagi kacang soya, AS melaporkan bahawa 96% daripada tanaman kacang soya yang ditanam adalah toleran terhadap racun rumpai. Brazil, sebagai negara kedua terbesar dalam penggunaan tanaman GM dan satu lagi pengeksport utama ke Malaysia, kini menguasai pasaran jagung dengan hanya tiga varieti utama – kesemuanya mempunyai ciri bertindanan bagi ketahanan terhadap racun rumpai dan serangga (rujuk bahagian tindanan pembiakan).

Disebabkan kekurangan ciri baharu, industri GM telah beralih kepada meluluskan lebih banyak produk bertindanan yang terdiri daripada pelbagai kombinasi ciri lama yang telah digunakan

sejak 30 tahun lalu – satu trend yang dijangka akan berterusan. Ciri racun serangga alternatif yang dijanjikan industri untuk menangani masalah rintangan terhadap Bt masih belum direalisasikan, meskipun terdapat dakwaan bahawa produk sedemikian hampir siap untuk dikomersialkan. Contohnya ialah dakwaan oleh DuPont pada 2016 berkenaan ciri racun serangga bukan-Bt (contohnya NPR, 2016).

Prospek kelulusan berterusan terhadap makanan GM yang diimport nampaknya akan menyebabkan lebih banyak sisa racun rumpai dan toksin serangga Bt memasuki bekalan makanan. Malah, perkembangan paling ketara dalam varieti baharu ialah peningkatan dalam peratusan varieti bertindanan. Dengan kemunculan teknologi penyuntingan genom (*genome editing*), syarikat seperti Inari sedang menguji tanaman yang ditambah dengan ciri “edit” baharu di atas tanaman GM sedia ada yang sudah pun tahan racun rumpai dan serangga. Namun, ini hanya melanjutkan penggunaan varieti lama sambil memanjangkan tempoh paten ke atas tanaman tersebut (AgriNovus Indiana, 2022).

Justeru, integriti dan keselamatan makanan di Malaysia kini semakin terjejas akibat pengimportan tanaman GM untuk makanan dan makanan ternakan, tanpa memberikan manfaat yang jelas atau menyumbang kepada keterjaminan makanan negara. Sebaliknya, negara ini mungkin secara tidak sengaja menjadi medan bagi pelambakan teknologi produk yang mencerminkan kegagalan sistem pertanian industri GM.

Peningkatan import makanan GM meningkatkan pendedahan kepada bahan kimia

Senarai import makanan GM yang semakin meningkat ke Malaysia berkemungkinan menyukarkan usaha untuk mengelakkan pendedahan kepada GMO. Malah, satu kajian pada 2011 mengesan kehadiran protein GM dalam darah pengguna di Kanada (Aris & Leblanc, 2011). Penemuan ini secara langsung bercanggah dengan dakwaan oleh para pembangun GMO bahawa protein GM tidak dapat bertahan dalam sistem pencernaan.

Tanaman GM dan racun rumpai yang berkaitan dengannya sering dikaitkan dengan potensi masalah kesihatan dan alam sekitar. Satu kajian menyeluruh oleh Kementerian Pembangunan Agraria Brazil mengenal pasti 750 kajian yang mengaitkan GMO dengan risiko kesihatan, alam sekitar dan sosioekonomi (Ferment et al., 2016). Baru-baru ini, kerajaan Mexico mengemukakan jawapan rasmi dalam pertikaian perdagangan dengan Amerika Syarikat berkaitan hasratnya untuk mengehadkan import jagung GM, dengan membentangkan ratusan kajian akademik yang menunjukkan sebab-sebab kebimbangan (MEX-USA-2023-31-01, 2024). Sebagai contoh, toksin Bt tertentu telah didapati mencetuskan keradangan dan tindak balas imun yang keterlaluan, serta diklasifikasikan sebagai imunogen sistemik yang merangsang tindak balas dalam usus kecil dan besar di mana toksin Bt tidak terurai sepenuhnya (Vázquez-Padrón et al., 2000).

Glifosat telah diklasifikasikan sebagai kemungkinan karsinogen manusia oleh agensi kanser Pertubuhan Kesihatan Sedunia (IARC, 2017). Kajian terhadap individu yang terdedah secara langsung kepada glifosat dalam sektor pertanian, contohnya melalui penyemburan, telah mendedahkan risiko kesihatan yang berkaitan dengan sistem tanaman tahan racun rumpai. Lebih 100,000 saman tindakan kolektif telah difailkan di Amerika Syarikat akibat pendedahan pekerjaan kepada glifosat, yang menyebabkan penyakit serius dan berpotensi membawa maut termasuk limfoma bukan-Hodgkin.



Penyemburan racun rumputai glifosat. Tanaman GM dan racun rumputai berkaitannya adalah dikaitkan dengan meluas kepada potensi masalah kesihatan dan alam sekitar.

Monsanto/Bayer setakat ini telah diarahkan membayar ganti rugi sebanyak AS\$11 bilion.⁶ Baru-baru ini, satu kajian mengaitkan pendedahan kepada semburan glifosat di AS dengan kemerosotan kesihatan perinatal, termasuk penurunan berat lahir dan tempoh kehamilan yang lebih pendek bagi ibu mengandung (Reynier & Rubin, 2025).

Di Amerika Syarikat, di mana tanaman GM paling meluas ditanam, glifosat juga baru-baru ini dikesan dalam lebih 80% sampel air kencing. Ini berlaku seiring dengan peningkatan penggunaan glifosat lebih 100 kali ganda dalam beberapa tahun kebelakangan ini, yang sebahagiannya disumbangkan oleh tanaman GM toleran glifosat (Ospina et al., 2022). Kacang soya GM dari Argentina, salah satu daripada dua negara utama pengeksport ke Malaysia, telah didapati mengandungi sisa glifosat yang melebihi tahap yang dibenarkan di peringkat antarabangsa (Testbiotech, 2013).

Oleh itu, dijangka pengguna Malaysia adalah terdedah kepada sisa racun rumputai melalui pengambilan tanaman GM. Seperti yang dinyatakan di atas, tahap pencemaran GM yang tinggi daripada tanaman toleran glifosat telah dikesan dalam bekalan kacang soya di Sarawak, walaupun data mengenai tahap racun perosak tidak mudah diperolehi untuk analisis yang lebih meluas. Satu kajian baru-baru ini dari Mexico mengesan glifosat dalam kalangan kanak-kanak, termasuk mereka yang tinggal di kawasan bandar (dan berkemungkinan terdedah melalui pemakanan), yang dikaitkan dengan peningkatan insiden penyakit buah pinggang (Romo-García et al., 2025).

Peningkatan import tanaman toleran racun rumputai, termasuk varieti tindanan (*stacked*) yang toleran kepada pelbagai jenis racun rumputai, meningkatkan potensi pendedahan manusia kepada sisa racun rumputai. Walau bagaimanapun, pendedahan kepada racun rumputai tidak diambil kira

⁶ <https://www.lawsuit-information-center.com/roundup-lawsuit.html#:~:text=As%20of%20May%202025%2C%20Monsanto,trial%20resolutions%20in%20individual%20cases.>

dalam penilaian risiko GMO, walaupun terdapat bukti kukuh mengenai ketoksikan kepada manusia dan alam sekitar. Tahap glifosat dalam makanan GM baru-baru ini mendorong Akademi Pediatrik Amerika (Abrams et al., 2024) untuk menasihati ibu bapa supaya mengelakkan makanan GM bagi anak-anak mereka, serta menggesa lebih banyak kajian dilakukan terhadap kesan kesihatan yang berpotensi akibat GMO.

Pendedahan kepada racun rumpai lain melalui makanan masih kurang dikaji. Namun, ia diketahui memberi kesan toksik kepada manusia melalui pendedahan pekerjaan. Sebagai contoh, glufosinat ialah neurotoksin yang memberi kesan terhadap sistem pembiakan, saraf dan kardiovaskular (Calas et al., 2008; García et al., 1998; Herzine et al., 2016; Lantz et al., 2014; Laugeray et al., 2014; Meme et al., 2009). Begitu juga dengan 2,4-D yang digunakan dalam formulasi racun rumpai Agen Oren semasa Perang Vietnam, telah dikaitkan dengan peningkatan kadar kanser dan kecacatan kelahiran dalam kalangan pekerja ladang dan anak-anak mereka, serta gangguan pembiakan lelaki dalam kajian makmal (Garry et al., 1996; Swan, 2003; Lerda & Rizzi, 1991). Data pengawalseliaan turut menunjukkan bahawa dicamba boleh memberi kesan toksik terhadap pembiakan dan perkembangan mamalia (US EPA, 2005).

Tanaman GM dengan ciri tindanan berisiko memberi kesan gabungan dan sinergistik

Trend kelulusan tanaman GM bertindanan di Malaysia (rujuk Jadual 1) menimbulkan kebimbangan tambahan dari segi biokeselamatan. Pengenalan pelbagai gen dan ciri berpotensi menghasilkan kesan gabungan atau sinergistik yang boleh membawa kepada perubahan yang tidak dijangka dan tidak diingini dalam sesuatu organisma. Perkara ini diiktiraf dalam Protokol Cartagena mengenai Biokeselamatan, yang Malaysia merupakan Parti. Garis panduan penilaian risiko khusus untuk ciri bertindanan telah dibangunkan di bawah Protokol ini.

Kesannya telah pun dapat dilihat dalam tanaman GM bertindanan. Peningkatan penggunaan racun rumpai dalam tanaman yang direka bentuk untuk toleran kepada lebih daripada satu jenis racun rumpai menjadi isu utama (Nordgård et al., 2015). Kesan gabungan dan sinergistik juga telah didokumenkan dalam tanaman Bt yang menghasilkan pelbagai toksin serangga dalam satu tanaman (Hilbeck & Otto, 2015).

Beberapa kajian menunjukkan bahawa toksin Bt boleh mencetuskan kesan sinergistik dan berinteraksi dengan tekanan lain dalam tumbuhan (Testbiotech, 2020b). Gabungan toksin Bt juga terbukti toksik kepada organisma bukan sasaran yang tidak terkesan oleh toksin tunggal secara individu (Kramarz et al., 2007; 2009). Ketoksikan beberapa toksin Bt terhadap sel darah dan organ yang terlibat dalam penghasilan darah meningkat mengikut kepekatan, dan kesannya boleh bertambah dari semasa ke semasa (De Souza Freire et al., 2014).

Pada peringkat molekul, tahap ekspresi transgen dalam varieti bertindan boleh berbeza berbanding varieti induk masing-masing. Ini mencerminkan perubahan dalam komposisi kandungan tumbuhan seperti protein, yang menunjukkan profil metabolik yang berbeza dalam varieti bertindan berbanding varieti tunggal induknya (Agapito-Tenfen et al., 2014).

Penilaian risiko GMO tidak merangkumi penggunaan racun rumpai secara gabungan dengan tanaman toleran racun rumpai. Ini merupakan satu jurang besar dalam pengawasan biokeselamatan di Malaysia. Ia kini menjadi semakin penting apabila mempertimbangkan risiko kombinasi atau campuran pelbagai jenis racun rumpai yang digunakan ke atas tanaman GM.

Kesan yang mungkin berlaku termasuk interaksi antara racun rumpai dengan sifat lain seperti toksin Bt, interaksi antara campuran racun rumpai, serta interaksi tambahan dengan tumbuhan itu sendiri. Sebagai contoh, glifosat telah didapati mengubah kesan toksin Bt yang dimurnikan terhadap serangga bukan sasaran. Campuran racun juga diketahui boleh meningkatkan ketoksikan. Campuran 2,4-D dan glifosat, walaupun pada tahap yang dibenarkan oleh undang-undang, baru-baru ini didapati boleh meningkatkan kesan negatif terhadap pembiakan, termasuk keabnormalan sel sperma dan testis serta pengurangan tahap testosteron dalam darah tikus yang memakan diet Barat (Valente et al., 2024).

Namun, penilaian risiko semasa tidak mengambil kira kesan gabungan, sinergistik atau kumulatif antara racun rumpai dan ciri lain seperti toksin Bt (Testbiotech, 2020a). Ini kekal sebagai satu jurang besar yang perlu diberi perhatian segera.

Bagaimana pula dengan tindanan pembiakan (*breeding stacks*)?

Di bawah sistem kawal selia biokeselamatan Malaysia, varieti bertindanan (*stacked varieties*) dianggap sebagai produk baharu dan perlu dinilai secara berasingan, walaupun ia dibangunkan melalui pembiakan silang antara dua garis GM induk (dikenali sebagai *breeding stacks*) yang telah pun diluluskan secara individu. Seperti yang dimaklumkan oleh Jabatan Biokeselamatan Malaysia⁷ kepada Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO): “Makanan/makanan ternakan GM yang mengandungi elemen bertindan dianggap sebagai produk baharu walaupun semua elemen tunggal yang digabungkan telah (pun) diluluskan.” Hal ini turut dibuktikan melalui terma dan syarat kelulusan bagi pelbagai peristiwa GM, yang menyatakan bahawa “sebarang import atau pelepasan produk daripada mana-mana garis ubah suai genetik baharu yang dibiakkan menggunakan [acara GM yang diluluskan] memerlukan kelulusan berasingan daripada Lembaga Biokeselamatan Kebangsaan”.



Protes anti-GMO di Amerika Syarikat. Di Malaysia, organisasi masyarakat sivil telah lama menolak pengimportan dan pelepasan GMO dan produknya. *Gambar: Chris Goodwin (CC BY-NC-SA 2.0)*

⁷ <https://www.fao.org/food/food-safety-quality/gm-foods-platform/browse-information-by/country/country-page/en/?country=MYS>

Seperti yang diterangkan sebelum ini, majoriti tanaman yang kini ditanam di negara pengeksport ke Malaysia adalah daripada varieti bertindanan — termasuk *breeding stacks* dan *molecular stacks*. Menurut Jabatan Pertanian Amerika Syarikat (USDA, 2017), Amerika Syarikat dan Brazil adalah pengeksport kacang soya terbesar ke Malaysia, manakala kebanyakan jagung yang diimport ke Malaysia berasal dari Brazil dan Argentina.

Brazil mempunyai tiga varieti jagung utama yang kini mendominasi ladang mereka. VT PRO3®, PowerCore® Ultra, dan Agrisure® Viptera 3 — semuanya adalah *breeding stacks*, dan menyumbang 46% daripada teknologi yang digunakan pada 2020, 64% pada tahun 2021 dan 56% pada 2022 (Pereira Filho & Borghi, 2021; 2022b; 2022a). Tanaman ini dibangunkan melalui pembiakan antara varieti GM induk, yang sebahagiannya juga merupakan *molecular stacks* yang sudah membawa pelbagai toksin. Berikut ialah gabungan sifat yang dimiliki:

- VT PRO3 dibangunkan melalui pembiakan antara MON89034⁸ dan MON88017.⁹ Produk ini mengandungi lima toksin racun serangga dan toleran terhadap racun rumpai glifosat.
- PowerCore Ultra ialah hasil pembiakan MON89034, TC1507,¹⁰ NK603¹¹ dan MIR162.¹² Produk ini membawa pelbagai toksin Bt.
- Agrisure Viptera 3 pula dibangunkan melalui pembiakan Bt11,¹³ MIR162 dan GA21.¹⁴

Begitu juga, menurut Biosafety Clearing House di bawah Konvensyen Kepelbagaian Biologi yang menyediakan pangkalan data kelulusan GMO, Argentina — iaitu pembekal utama jagung yang satu lagi kepada Malaysia — telah meluluskan 23 *breeding stack* berbanding hanya 16 yang bukan *breeding stack*. Namun begitu, maklumat mengenai varieti yang sedang ditanam di negara itu pada masa ini tidak tersedia secara umum.

Oleh itu, *breeding stacks* membentuk sebahagian besar tanaman GM yang ditanam di negara-negara pengeksport ke Malaysia. Maka, adalah mengejutkan apabila setakat pengetahuan kami, hanya satu permohonan¹⁵ untuk kelulusan tanaman GM jenis ini pernah dikemukakan di Malaysia. Ini menimbulkan persoalan: adakah *breeding stacks* telah memasuki Malaysia tanpa kelulusan berasingan yang diperlukan? Perkara ini wajar disiasat dengan segera.

Kelulusan yang semakin meningkat terhadap ciri-ciri baharu (*novel*) dan berisiko

Sejak 2017, tanaman GM yang menggunakan mekanisme molekul tersendiri — *RNA interference* (RNAi) — telah diluluskan untuk memasuki bekalan makanan di Malaysia. Pembangun telah menggunakan kaedah RNAi untuk menyasarkan dan “menyenyapkan” gen tertentu.

Tanaman RNAi ini termasuk tiga varieti kentang “Innate” (E12, Y9 dan X17) yang dibangunkan oleh syarikat perniagaantani gergasi JR Simplot, yang terkenal dalam pengeluaran kentang goreng sejuk beku. Ketiga-tiga varieti kentang ini telah diubah suai bagi mengurangkan

⁸ MON89034: satu *molecular stack* yang dibangunkan untuk menghasilkan pelbagai toksin Bt anti-serangga (Cry2Ab2 dan Cry1A.105 (yang sendiri terdiri daripada pelbagai toksin: Cry1Ab, Cry1F and Cry1Ac)).

⁹ MON88017: satu *molecular stack* yang membawa toksin Bt anti-serangga (Cry3Bb1) dan toleransi kepada racun rumpai glifosat.

¹⁰ TC1507: satu *molecular stack* yang membawa toksin Bt anti-serangga (Cry1Fa2) dan toleransi kepada racun rumpai glufosinat.

¹¹ NK603: ciri tunggal dengan toleransi kepada glifosat.

¹² MIR162: satu peristiwa ciri tunggal dengan satu toksin Bt (Vip3Aa).

¹³ Bt11: satu *molecular stack* dengan toksin Bt anti-serangga (Cry1Ab) dan toleransi kepada glufosinat.

¹⁴ GA21: satu peristiwa ciri tunggal dengan toleransi kepada glifosat.

¹⁵ MS11xRF3 kanola; tidak tersenarai sebagai diluluskan untuk import bagi makanan, makanan ternakan dan pemprosesan.

penghasilan akrilamida dalam kentang goreng, serta untuk mengurangi bintik hitam dan penyakit hawar daun. Turut diluluskan untuk import ialah varieti kacang soya, alfalfa dan jagung yang menggunakan mekanisme RNAi bagi memperolehi ciri-ciri tertentu. Semua varieti ini, kecuali alfalfa, juga merupakan *molecular stack* yang mengandungi lebih daripada satu transgen dalam produknya, seperti toksin Bt, toleran terhadap racun rumpai atau pelbagai konstruk RNAi (rujuk Jadual 1).

Namun, justifikasi bagi pengenalan ciri-ciri ini amat diragui, kerana ia mungkin menimbulkan risiko keselamatan makanan tanpa manfaat yang dijangka. Terdapat varieti kentang rendah gula sedia ada yang secara semula jadi menghasilkan kurang akrilamida. Langkah tambahan seperti menurunkan suhu menggoreng, membuang ubi muda atau mencelur kentang sebelum menggoreng juga boleh menangani isu ini (CIAA/FDE, 2011). Tambahan pula, kajian menunjukkan bahawa keadaan persekitaran boleh mempengaruhi tahap akrilamida, di mana varieti yang sama ditanam di lokasi berbeza boleh menghasilkan tahap akrilamida yang berbeza (Muttucumaru et al., 2017). Oleh itu, penggunaan kentang RNAi adalah berdasarkan bukti yang meragukan dari sudut kepentingan pengguna. Malah, salah satu daripada varieti kentang tersebut tidak menghasilkan protein yang sepatutnya berfungsi untuk melindungi daripada jangkitan hawar (FSANZ, 2017).

Tanaman RNAi juga menimbulkan kebimbangan biokeselamatan khusus disebabkan oleh sifat mekanisme RNAi itu sendiri yang digunakan dalam organisma yang diubah suai. Teknologi RNAi berfungsi dengan memanipulasi laluan RNAi, iaitu sistem pengawal selia halus dalam proses ekspresi gen, yang menentukan sama ada sesuatu gen diaktifkan atau “disenyapkan”. Ini merupakan sistem kawal selia genetik semula jadi yang wujud dalam haiwan dan tumbuhan, dan berfungsi melalui molekul RNA tertentu (dipanggil RNA dwirantai atau *double-stranded RNA*, dsRNA) yang menyasarkan gen tertentu. Mekanisme ini bergantung pada jujukan komplementariti, di mana jujukan RNA direka bentuk untuk menjadi pelengkap kepada jujukan gen sasaran. Oleh itu, pembangun tanaman GM akan mereka bentuk molekul RNA gangguan untuk menyasarkan jujukan gen yang ingin disenyapkan — contohnya, gen dalam perosak yang, apabila dinyahaktifkan, akan menyebabkan kematian perosak tersebut.

Namun, laluan RNAi masih belum difahami sepenuhnya. Bukti menunjukkan bahawa ia berfungsi dalam proses yang jauh lebih kompleks daripada yang didakwa oleh para pembangun. Oleh itu, terdapat potensi berlakunya kesan tidak disengajakan yang mungkin tidak diakui dan tidak dapat dikesan. Ini termasuk kesan “*off-target*”, di mana gen lain turut disenyapkan secara tidak sengaja, atau gen dalam organisma bukan sasaran yang terdedah turut disenyapkan, dengan kemungkinan kesan maut. Kesan *off-target* telah dikesan dalam varieti jagung GM MON87411 yang ditanam di Amerika Syarikat (Baum et al., 2007). Molekul RNA gangguan sintetik juga telah didapati menghasilkan anggaran 10% kesan *off-target*, walaupun ia direka khusus untuk menyasarkan gen tertentu (Qiu, 2005). Oleh itu, perubahan ekspresi gen yang tidak disengajakan boleh membawa kepada ciri baharu yang tidak dirancang dalam organisma sasaran, dan boleh menjejaskan keselamatan makanan — contohnya, dengan mengubah tahap penghasilan alergen atau toksin.

